



PERASMIAN: Majlis pemotongan reben merah sebagai simbolik pelancaran CI UMS.

UMS mencipta sejarah

IPT pertama tubuhkan Institut Confucius

UB 13/12/19 2

Oleh Amir Anuar

KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul institusi pengajian tinggi (IPT) terbaharu di negara ini yang mengambil inisiatif menubuhkan Institut Confucius (CI).

Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah Datuk Dr Yusof Yacob berkata CI adalah salah satu institusi peringkat antarabangsa yang mula dikembangkan di luar China semenjak 2004.

“Sebanyak 548 CI sudah ditubuhkan di 154 negara di seluruh dunia, bayangkan betapa popular dan pesatnya perkembangan institusi ini di peringkat antarabangsa,” katanya.

Dr. Yusof berkata demikian menerusi teks ucapannya yang dibacakan Pembantu Menteri Pelajaran dan Inovasi Mohammad Mohamarin, di UMS, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata banyak IPT dinegara

ini berusaha menubuhkan CI, dengan Universiti Malaya muncul universiti tempatan pertama yang menubuhkan-nya.

“Manakala UMS pula mencipta nama dalam sejarah apabila menjadi IPT pertama di Kepulauan Borneo yang menubuhkan institusi sebegini,” katanya.

Beliau turut memuji Ibu Pejabat CI (Hanban) kerana memberikan sokongan kewangan serta akan menghantar guru bahasa Mandarin profesional dan sukarelawan ke CI UMS.

Menurutnya, tindakan terbabit menguntungkan semua warga yang berminat mempelajari Bahasa Mandarin, justeru rakyat Malaysia di Sabah diharap memanfaatkan peluang itu.

“Selain Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin adalah salah satu lingua-franca yang penting di seluruh dunia termasuk di dunia akademik, perniagaan dan politik antara-

bangsa.

“Kita berharap CI UMS akan memainkan peranan dari segi pengajaran Mandarin, budaya Cina dan menjalin kerjasama UMS dengan universiti-universiti lain di China,” katanya.

Termasuklah dalam konteks mengukuhkan persahabatan Malaysia-China, khususnya berkaitan kemajuan industri, teknologi dan perniagaan menguntungkan kedua-dua pihak.

Pada masa sama, beliau juga berharap UMS akan terus maju dalam pengembangan sayapnya dari kampus UMS ke seluruh Sabah, termasuk membantu Sarawak jika kepakarannya diperlukan.

Hadir sama, Ketua Perwakilan Konsulat Republik China di Sabah Liang Caide, Setiausaha Jawatankuasa Parti Universiti Sains dan Teknologi Prof Dr Fu Hongyuan dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.



PENGHARGAAN: Taufiq menyerahkan cenderamata kepada Mohammad sempena majlis pelancaran CI UMS.